

UMT bantu pelajar siapkan diri ceburi pasaran kerja

BERITA HARIAN 6/9/16 M/s 50

Kuala Lumpur: Keunggulan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) ditawarkan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), mampu membantu mahasiswa menyiapkan diri dengan kemahiran bermanfaat sebelum menceburi kerjaya sebaik bergelar graduan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, Prof Ir Noor Azuan Osman, berkata kemahiran ditawarkan universiti itu membabitkan pencapaian baik akademik, kokurikulum dan ciri insaniah.

Katanya, kualiti unggul ditonjolkan UMT dalam aspek PdP itu juga menjadi faktor utama yang menyaksikan universiti terbahit menjadi pilihan ramai untuk melanjutkan pengajian.

"Pada sesi kemasukan pelajar baharu 2018/2019 yang diadakan Isnin lalu, UMT menerima kemasukan seramai 2,451 pelajar yang memperlihatkan universiti ini menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pilihan.

"Mahasiswa baharu ini akan mengikuti satu daripada 27 program pengajian peringkat ijazah sarjana muda yang ditawarkan universiti," katanya.

Peluang pengajian

daripada jumlah pelajar baharu itu, seramai 65 peratus memilih pengajian dalam aliran sains, manakala selebihnya sains sosial.

Katanya, bagi kemasukan itu, UMT mencatatkan peningkatan sebanyak 3.8 peratus bagi jumlah tawaran dikeluarkan kepada

pelajar baharu.

Beliau berkata, UMT juga menawarkan peluang pengajian kepada 14 pelajar orang kelainan upaya (OKU), terdiri daripada masalah rabun, cacat kaki, cacat tangan, masalah pendengaran, masalah pembelajaran dan masalah pertuturan bagi sesi kemasukan kali ini, selain menerima sepasang kembar yang seorang daripadanya adalah OKU.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, Prof Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali, berkata daripada jumlah pelajar yang mendaftar, sebanyak 76 peratus ialah pelajar perempuan, manakala 24 peratus lagi pelajar lelaki.

Beliau berkata, buat julung kali pada sesi kemasukan kali ini, Pusat Islam



Bagi meringankan bebanan, UMT menyediakan perkhidmatan Caravanserai yang memberi kemudahan penginapan, ruang rehat, sarapan dan pemeriksaan kereta secara percuma.

Sultan Mahmud UMT memperkenalkan 'CUMTaravanserai', khusus kepada ibubapa kurang berkemampuan yang mengiringi anak masing-masing pada hari pendaftaran sebagai satu

daripada inisiatif kebajikan. "Perkhidmatan ini menyediakan kemudahan penginapan, ruang rehat, sarapan dan pemeriksaan kereta secara percuma. "Usaha ini adalah bagi

memberi kelegaan dan meringankan bebanan ibubapa yang sanggup hadir bagi meraikan kejayaan anak melanjutkan pengajian ke menara gading," katanya.